

18/10/2000

Undur jika tiada masa ke Parlimen

PENILAIAN terhadap seseorang wakil rakyat biasanya berasaskan kepada perkhidmatan mereka kepada rakyat, sekurang-kurangnya di kawasan yang diwakilinya. Apa juga masalah rakyat akan cuba diatasi menerusi bantuan paling berkesan yang mampu diberikannya. Mereka juga diharapkan oleh rakyat untuk memberi idea mengenai cara mana meningkatkan taraf hidup rakyat.

Pada peringkat negara, seseorang wakil rakyat menyuarakan pandangan rakyat yang diwakilinya di Parlimen. Di dewan itulah apa juga masalah rakyat diketengahkan dan meminta kerajaan untuk mengatasinya, jika mereka tidak mampu menyelesaikannya sendiri. Ini adalah sumbangan paling besar seseorang ahli Parlimen yang boleh dinilai sendiri oleh rakyat.

Jika mereka sering tidak hadir ke persidangan dewan, bermakna masalah rakyat tidak dapat mereka suarakan. Sudah tentulah mereka akan menjadi ahli Parlimen yang tidak berkesan. Atas dasar ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi syarat bahawa Barisan Nasional (BN) akan mengambil kira kehadiran anggota Parlimen pada sesi persidangan Dewan Rakyat dalam menentukan senarai calon yang akan diberi peluang bertanding pada pilihan raya umum. Bagi mereka yang tidak dapat meluangkan masa menghadiri sidang, sebaliknya sibuk dengan urusan lain yang tidak ada kena mengena dengan kepentingan rakyat, eloklah melupakan hasrat untuk bertanding sekali lagi. Ketika itu, mereka tidak perlu lagi merayu kerana tidak dipilih semula untuk bertanding bagi penggal berikutnya. Penilaian terhadap kehadiran ini perlu dilakukan mulai sekarang sehinggalah pilihan raya menjelang tiba. Rakyat tentulah tidak mahu ada wakil rakyat yang hanya bersungguh-sungguh hadir di Parlimen apabila tempoh pilihan raya semakin hampir. Jika tidak, mereka lebih gemar menguruskan hal diri sendiri. Jika ramai ahli Parlimen yang hadir, lebih banyak idea yang disumbangkan dan lebih cepat masalah rakyat diatasi.

(END)